

Anugerah Canselor: Inspirasi Perjalanan Chiew Jun Hao Menuju Impian Dermatologi



“Saya sangat terkejut apabila menerima e-mel daripada UPM yang menyatakan bahawa saya telah mendapat Anugerah Canselor dan perasaan gembira itu hadir kerana tidak jangka akan dapat anugerah ini,” ujarnya.

Siapa sangka penerimaan Anugerah Canselor ini dapat mengeratkan jalinan bersama keluarga serta menjadi kebanggaan ibu bapanya.

Pelajar Bacelor Sains Bioperubatan dengan kepujian dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Chiew Jun Hao, 23, berkata perjalanan yang ditempuhi sepanjang lapan semester ini sangat bermakna demi mencapai impian.

“Saya juga bukan sahaja fokus kepada akademik tetapi saya juga aktif dalam aktiviti kemasyarakatan serta sukarelawan dalam industri.



“Pada pandangan saya, semua pelajar akan hadapi cabaran dan dugaan sepanjang perjalanan belajar mereka tetapi yakinlah dengan diri sendiri dalam menggapai impian,” katanya.

Dengan pengalamannya semasa latihan praktikal di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang dan Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta minat yang mendalam terhadap dermatologi kerana impiannya ingin membuka perniagaan dermatologi.

Beliau berkata, beliau memilih bidang ini kerana hasrat sendiri yang ingin memfokuskan penjagaan rawatan kulit serta membangunkan kaedah untuk memulihara kulit supaya sihat.





“Pengalaman saya semasa belajar di UPM, pensyarah saya banyak membantu serta memberi nasihat ketika saya menjalani latihan industri kerana bidang ini mempunyai pelbagai disiplin seperti biokimia dan mikrobiologi,” katanya.

Selain itu, Chiew juga aktif dalam pelbagai program bagi memperkukuhkan jaringannya dengan organisasi yang lain serta bertukar pendapat bagi mengumpul ilmu pengetahuan.

Menurut beliau, dia telah menyertai pelbagai aktiviti atau program peringkat antarabangsa dan kebangsaan yang membantu dirinya berjumpa dengan pelbagai orang bagi membincangkan idea serta menambah pengalaman.

Berita Lain...




Cicada serangga 'nyaring', simpan rahsia ekosistem hutan

[Baca lagi »](#)



UPM Angkat Kearifan Melayu ke Pentas Dunia

[Baca lagi »](#)



AgriHub@Gedong perkukuh inovasi pertanian pintar di Sarawak

[Baca lagi »](#)



UPM anjur Program Profesionalisme dan Penghayatan Rukun Negara perkasa jati diri pelajar

[Baca lagi »](#)



UPM kaji peranan bahasa dalam membangun kepercayaan awam terhadap dasar keterjaminan...

[Baca lagi »](#)



Pertanian Bandar Hubungkan Komuniti, Teknologi dan Kelestarian Alam

[Baca lagi »](#)

Arkib Berita

Terkini

Tahun

[2025](#)

[2024](#)

[2023](#)

[2022](#)

[2021](#)

[2020](#)

[2019](#)

[2018](#)

[2017](#)



Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my

Media

Berita
Artikel
Video
Keratan Akhbar
Dokumen

Hubungi Kami

Maklum Balas

Lain-Lain

UPM Holdings
Nombor Plat UPM
Give to UPM
Tender dan Kontrak
Kementerian Pendidikan Tinggi
UPM AI HUB
Sustainability@UPM



[Disclaimer](#) [Privacy and Security Policy](#) [Copyright](#) [Help](#)

© 2023 Universiti Putra Malaysia

